

**NOTIS PENUTUPAN SEMENTARA**

Kepada Pelanggan-pelanggan SAINS yang dihormati,

**PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN AIR DI SEBAHAGIAN KAWASAN KUALA PILAH BERIKUTAN KERJA-KERJA PENGALIHAN PAIP PADA 31 JANUARI 2023**

Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan kami bahawa SAINS akan melaksanakan penutupan sementara bekalan air yang dijangka akan mengakibatkan gangguan bagi beberapa kawasan di Kuala Pilah seperti yang dinyatakan di bawah. Maklumat penutupan adalah seperti berikut:

**Tarikh :** 31 Januari 2023 (Selasa)  
**Masa :** 8.00 pagi (31 Januari 2023) – 8.00 pagi (1 Februari 2023)

Maklumat kerja	Kawasan terlibat	Langkah kontigensi
Kerja-kerja pengalihan paip S-Bend jenis MS berdiameter 750mm di Kg. Bemban, Kuala Pilah	<b>Kuala Pilah:</b> Pekan Senaling, Kampung Maasop, Taman Pilah Senaling, Kampung Batang Pilah, Kampung Sri Pilah, Kampung Ulu Pilah, Kampung Sikai, Kampung Gunung Pasir, Kampung Ulu Senaling, Matrikulasi, Taman Bahagia Delima, Taman Bukit Intan, Taman Selasih, Kampung Batu 46, Sekolah Zaaba, Sekolah Tunku Kursiah, TMS, Taman Pendita, Kampung Bukit Temensu dan Kampung Sungai Layang.	Pengambilan air melalui lori tangki yang di sewa oleh pihak industri di 'Water Feeder Station' di lokasi: <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Kg. Parit Tinggi</b></li><li>• <b>Bawah Kolam Gentam</b></li><li>• <b>Pejabat Operasi SAINS Kuala Pilah</b></li></ul> Akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 24 jam (selepas tempoh penutupan)

- Langkah Kontigensi akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 24 jam (selepas tempoh penutupan).
- Pihak **INDUSTRI** hendaklah mengemukakan surat permohonan pengambilan air lebih awal kepada pihak **SAINS** dengan menyatakan jumlah trip dan kapasiti lori tangki yang disewa. Caj jumlah isipadu air yang diambil akan dikenakan mengikut kadar semasa.
- Lori tangki yang disewa oleh pihak **INDUSTRI** untuk mengambil air di 'Water Feeder Station' yang ditetapkan oleh pihak **SAINS** hendaklah terjamin kebersihan daripada sebarang pencemaran bagi memastikan kualiti air yang dibekalkan oleh **SAINS** tidak terjejas. Sebarang perubahan pada kualiti air **SAINS** akibat dari keadaan lori tangki yang disewa yang tidak mematuhi standard kualiti kebersihan dari pihak **SAINS** adalah dibawah tanggungjawab pihak **INDUSTRI**.

Bekalan air akan disambungkan semula selepas waktu yang dinyatakan dan dijangka pulih secara berperingkat. Walaubagaimanapun, beberapa kawasan tinggi dijangka akan mengalami tempoh pembaikan yang lebih lama. Untuk makluman, kerja-kerja ini merupakan antara usaha berterusan SAINS dalam menambah baik dan meningkatkan mutu bekalan air demi kepentingan para pelanggan pada masa hadapan.

Para pelanggan yang memerlukan bantuan boleh menghubungi kami ditalian bebas tol **1-800-88-6982** untuk mendapatkan sebarang bantuan lanjut.

**HAJAH NORZITA BINTI ISMAIL**  
Ketua Jabatan Komunikasi Korporat  
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.